

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN
PADA 22 MAC 2013
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

SALUTASI

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Timbalan Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pemangku Ketua Pustakawan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

KATA-KATA ALUAN

Hadirin sekalian,

1. Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya titipkan buat staf UniMAP yang masih lagi memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita yang bukan sahaja akan menyihatkan badan malah sebagai medan untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP.

SEKSYEN BAHASA INGGERIS

Ladies and Gentlemen,

2. *We are indeed very grateful to Allah that the merit award ceremony which was held on Tuesday night to reward staffs who have made exceptional contributions to UniMAP in R&D, routine jobs, with good attributes was a success. Congratulations to all the award recipients. Give them a round of applause.*
3. *However, the merit award recipients should not be complacent but should be motivated to work harder for the coming years. It should be a continuous process.*
4. *To those who are less fortunate, it does not mean you have not contributed towards UniMAP but work harder and ensure you that you too could achieve the merit award next year.*
5. *We also have a donation drive towards Tabung Wira Lahad Datu to allow UniMAP staff and students to contribute towards our unfortunate security forces who are our national heroes.*

- 6. I felt very proud that the contributions from staff and students of UniMAP amounted to RM 10,000 in just 3 weeks the donation drive stated. Only Allah will bestow his blessings to the donors.**
- 7. The donation was presented to representative for Media Prima to handover to Tabung Wira Lahad Datu Media Prima. With this small contribution will help to ease the burden of the affected family members.**

MAKLUMAN PROGRAM TELAH BERLANGSUNG

Hadirin Sekalian

Geran Penyelidikan Berjumlah Saudi Riyal 2.2 Juta

8. Minggu lalu, delegasi Penyelidik Pusat Kecemerlangan Geopolimer & Teknologi Hijau (CEGeoGTech) UniMAP telah mengadakan kunjungan ke syarikat pengeluar minyak terbesar di Arab Saudi iaitu Saudi Aramco Oil sempena mesyuarat pertama bagi pembentangan hasil kerja projek penyelidikan bersama UniMAP, **King Abdul Aziz City Science and Technology (KACST)** dan **Saudi Aramco Oil** mengenai **Nanocomposite to Expand Applications of Non-Metallic Materials**.
9. Alhamdulillah, hasil daripada perbentangan yang dilakukan, pihak Saudi Aramco bersetuju untuk meluluskan pembayaran sebanyak 40% daripada jumlah keseluruhan geran yang diperuntukkan iaitu sebanyak **Saudi Riyal 2.2 juta**.
10. Selain itu, berita yang lebih manis lagi adalah kumpulan penyelidik daripada CEGeoGTech juga telah berjaya memperoleh dua paten yang telah disahkan (**patent granted**) bagi negara Malaysia dan Amerika Syarikat berdasarkan kepada hasil penyelidikan bersama dengan KACST yang bertajuk **Development of Geopolymeric Concrete**
11. Kedua-dua paten yang berjaya diperoleh itu ialah bagi produk **Environmental Friendly Composite Construction Materials** dan **A**

Method Producing Environmental Friendly Geopolymer Cement & Concrete.

12. Ini merupakan paten yang pertama yang diperolehi oleh UniMAP berdasarkan kepada 42 produk yang difailkan semenjak 2009 dan ia merupakan satu kejayaan yang membanggakan kepada UniMAP

International Conference on Agricultural Technologies in Arid Land

13. Baru-baru ini, selain mengadakan lawatan ke **King Abdul Aziz City Science and Technology (KACST)**, Riyadh, delegasi UniMAP juga turut menyertai pameran ***International Conference on Agricultural Technologies in Arid Land*** yang bermula 19 sehingga 21 Mac di Dewan Persidangan KACST. Pameran ini berfokuskan kepada bidang Agroteknologi dan ianya telah disertai lebih 100 peserta dari pelbagai negara termasuk dari Amerika Syarikat, Jepun dan Jerman. Ini menunjukkan bahawa bidang Agroteknologi UniMAP semakin berkembang dan mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

14. Ia telah dirasmikan oleh Presiden KACST iaitu Dr. Mohammed Ibrahim Al-Suwaiyel dan turut dihadiri oleh pengurus persidangan iaitu Profesor Dr Abdul Nasser Al Khalifah yang juga merupakan Pengarah ***National Program Agrotecnology KACST***.

15. Jika sebelum ini UniMAP hanya menjalankan kerjasama dengan beberapa agensi di Arab Saudi bagi kajian dan penyelidikan dalam bidang Geopolimer sahaja, namun apabila berkesempatan bagi menyertai pameran Agroteknologi ini sekaligus membuka lebih banyak peluang dan ruang untuk UniMAP menjalankan kerjasama dengan mana-mana agensi berkaitan di negara Timur Tengah.

16. Pada persidangan itu juga, beberapa syarikat dari Timur Tengah telah berminat dengan hasil penyelidikan agroteknologi yang kita jalankan. InsyaAllah setelah mendapat kata putus, semua perbincangan ini akan dimuktamadkan dengan menandatangani memorandum persefahaman tidak lama lagi.

Hadirin sekalian

Majlis Graduasi IEC

17. Untuk makluman semua warga UniMAP semalam telah berlangsung Majlis Graduasi Pelajar Program Intensive English Course (IEC) di Hotel Putra Palace. Seramai 107 pelajar antarabangsa dari 15 buah negara telah berjaya menamatkan kursus selama enam bulan di UniMAP. Saya difahamkan majlis graduasi kali ini merupakan majlis yang teramai dalam sejarah IEC, berikan tepukan gemuruh kepada Pusat Bahasa Antarabangsa di atas kejayaan ini.

18. InsyaAllah, pada kemasukan April nanti kita menjangkakan seramai 136 pelajar baru bagi program IEC yang akan mendaftar di UniMAP. Ini menunjukkan satu peningkatan yang amat memberangsangkan bagi Pusat Bahasa Antarabangsa UniMAP. Tahniah diucapkan.

Hadirin sekalian

MAKLUMAN PROGRAM AKAN BERLANGSUNG

19. Untuk makluman semua sempena penubuhan Pusat Kecemerlangan Sistem Tanpa Pemandu atau Centre of Excellence for Unmanned Systems yang diterajui oleh Dr. Hazry Desa, UniMAP akan menandatangani Surat Hasrat (LOI) bersama Drei Sohne Technologies

(DST) Deutschland anak syarikat EMT dari Jerman bagi perkongsian bidang teknikal yang dalam bidang teknologi **Pesawat Udara Tanpa Pemandu (UAV)**. Majlis ini dijangka akan berlangsung di Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition 2013 (LIMA'13) pada 26 Mac ini.

20. Kerjasama ini akan membolehkan teknologi UAV ini dipindahkan dari syarikat EMT kepada UniMAP Centre of Excellence for Unmanned Systems. Ini merupakan salah satu pencapaian yang amat memberangsangkan dan DYTM Tuanku Canselor, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berkenan bercemar Duli berangkat hadir ke majlis tersebut. Marilah kita bersama mendoakan agar majlis ini berjalan dengan lancar.

21. Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan akan menganjurkan “2nd International Conference on Sustainable Materials (ICoSM) 2013” yang akan berlangsung pada 26-28 Mac 2013 di Bayview Hotel, Pulau Pinang. Saya difahamkan penganjuran pada penganjuran kali ini sebanyak 139 peserta mengambil bahagian. Saya berharap persidangan kali ini akan berjalan dengan lancar sekaligus dapat menghasilkan lebih banyak jurnal berkaitan Advanced Materials Research akan dapat dihasilkan.

PENUTUP

22. Rasanya cukup setakat ini, saya sudahi ucapan saya pada pagi ini dengan serangkap pantun:

***Wangi Sungguh Si Daun Pandan
Di Buat Adunan Dalam Masakan
Budaya Cemerlang Jadikan Amalan
Moga Menjadi Ikutan dan Tauladan***

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.